

## Ismail Sabri dilantik Presiden Kehormat Pertubuhan Dron dunia

Samadi Ahmad - Jun 6, 2023 @ 4:11pm

bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerima watikah lantikan sebagai Presiden Kehormat WUAVF daripada Presiden WUAVF, Jincai Yang sempena Kongres Dron Dunia Ke-7 di Shezen, China.

**PUTRAJAYA:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik sebagai Presiden Kehormat Pertubuhan Dron atau Kenderaan Udara Tanpa Pemandu Dunia (WUAVF).

Watikah lantikan diserahkan oleh Presiden WUAVF, Jincai Yang pada satu majlis sempena Kongres Dron Dunia Ke-7 di Shezen, China, Sabtu lalu.

[READ MORE](#)

Melalui satu kenyataan hari ini, Ismail Sabri berterima kasih kepada WUAVF kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk mempromosi industri pesawat udara tanpa pemandu (UAV) kepada dunia.

Menurutnya, industri dron berkembang sangat pantas dan sebagai contoh, pengeluar utama dron sedang berusaha menghasilkan kenderaan tanpa pemandu yang lebih besar bagi memudahkan urusan harian.

Katanya, teknologi itu perlu dikuasai segera dan sekiranya sebelum ini dron digunakan oleh tentera, ia kini membabitkan semua bidang, sama ada di darat, air dan udara.

"Saya akan membantu pertubuhan ini untuk mempromosikan industri itu demi kesejahteraan dunia," katanya.

Ismail Sabri berkata, ketika menerajui pemerintahan negara, beliau memberikan perhatian serius kepada industri itu untuk diaplikasikan dalam kehidupan dan menjadi sumber pendapatan baharu negara.

Malah, katanya, beliau turut melancarkan Pelan Tindakan Teknologi Dron Malaysia 2022-2030 (MDTAP30) sebagai agenda nasional bagi menyokong ekosistem dron.